

Malaysia bebas bersuara tanpa rasa takut — PM

Oleh ASUKI ABAS
dan HAIRULAZIM MAHMUD

UM 30 MAY 2003

KUALA LUMPUR 29 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Malaysia akan terus menyuarakan pandangannya tanpa rasa takut atau pilih kasih atas dasar 'berani kerana benar' walaupun beberapa negara mungkin kurang senang dengan tindakan itu.

Perdana Menteri menegaskan bahawa Amerika Syarikat (AS) sendiri sepatutnya boleh menerima kritikan Malaysia kerana mereka juga pernah menghentam negara ini secara tidak adil dan melampau atas alasan tidak mempraktikkan kebebasan bersuara.

"Kami perlu menyuarakan apa yang kami rasa benar. Saya rasa AS percaya kepada kebebasan bersuara dan ia bermakna kadang-kadang kita perlu dengar pandangan yang kita suka, kadang-kadang dengar pendapat yang kita tidak suka.

"Satu masa dulu Malaysia telah dikritik dengan cara yang melampau tetapi kita terima kritikan itu," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas merasmikan Perhimpunan Hari Pekerja 2003 Bagi Anggota Sektor Awam di Institut Tadhiran Awam Negara di sini hari ini.

Nada kritikan

Perdana Menteri berkata demikian ketika mengulas kenyataan Duta Besar AS ke Malaysia, Marie T. Huhtala, yang dilaporkan menghri amaran kepada para pemimpin Malaysia supaya menghentikan kecaman terhadap AS supaya tidak mengeruhkan hubungan di antara kedua-dua negara.

Menurut kenyataan itu yang dikeluarkan oleh Kedutaan AS dalam laman webnya semalam, Huhtala menyatakan para pemimpin Malaysia telah mendukacitakan ahli-ahli kanan pentadbiran AS dengan nada kritikan mereka.

Kata beliau, kritikan seperti itu tentunya akan memberi kesan buruk kepada hubungan dua hala.

AS merupakan rakan dagang terbesar Malaysia dan kedua-dua negara mempunyai hubungan rapat dalam bidang pertahanan dan keselamatan.

Pada Februari lalu, Washington dilaporkan mengugut untuk memanggil balik Huhtala sebagai tindakan balas terhadap kritikan yang dibuat oleh Dr. Mahathir semasa Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali di sini.

Menurut Perdana Menteri, beliau tidak merasakan hubungan perdagangan di antara Malaysia dan AS akan terjejas akibat daripada amaran yang dikeluarkan oleh Duta Besar AS itu.

"Perdagangan mereka dengan kita masih baik, cuma AS sekarang ini tidak bolih lagi

■ Lihat muka 4

Malaysia bebas bersuara tanpa rasa takut — PM

membeli **banyak barang** kerana menghadapi masalah ekonomi, itu **kita** faham.

"Hubungan dengan orang berniaga masih baik, maksud **saya** rakyat AS, masih baik kerana (kritikan) **kita** hanya ditujukan kepada kerajaan AS," katanya.

Mengenai pendirian Malaysia terhadap AS yang dijangka lebih lembut selepas persaraannya Oktober ini, Dr. Mahathir berkata, ramai orang yang menyalah anggap sikap bakal penggantinya iaitu Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"**Saya** rasa awak semua silap mengenai Datuk Abdullah kerana dia pun mempunyai pendirian yang **sama**.

"Pendirian **saya** adalah hasil daripada pendirian Kabinet, **saya** tidak membuat pendirian yang berbeza dengan kerajaan atau **apa** yang dikatakan oleh Kabinet.

"Itu adalah pandangan Kabinet," tegasnya.

